

# Gagal senggara longkang, kutip sampah punca banjir - Pian Hon

KUALA LUMPUR 6 Sept. - Kerajaan Parti Keadilan Rakyat (PKR) Selangor diingatkan supaya tidak menuuding jari kepada pihak lain berhubung kejadian banjir kilat terburuk yang melanda Serdang dan Kajang kelmarin.

Penyelaras Kawasan Parlimen Serdang, Datuk Yap Pian Hon (**gambar**) berkata, sebaliknya kerajaan negeri perlu mengakui kesilapan sendiri kerana gagal menguruskan sistem sa-

liran dan pengutipan sampah di kawasan terbabit yang sedikit sebanyak menjadi faktor penyumbang kepada berlakunya bencana itu.

Menurutnya, kawasan itu tidak pernah mengalami banjir ketika pentadbiran Barisan Nasional (BN) sebelum ini, tetapi berlaku ketika pentadbiran sekarang yang baru empat tahun memerintah.



"Sebelum ini, kerajaan BN telah berusaha mengatasi masalah banjir kilat terutama melibatkan kawasan Seri Kembangan melalui peruntukan sebanyak RM14 juta yang disalurkan kerajaan Persekutuan untuk kerja-kerja menaik taraf Sungai Kuyoh.

"Punca utama berlakunya banjir kilat terburuk kelmarin disebabkan

kegagalan pihak berkuasa tempatan melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan dan pemantauan (sistem saliran) secara berterusan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kejadian banjir kilat yang melanda Serdang dan Kajang sehingga menyebabkan beberapa laluan di sepanjang Lebuhraya Utara-Selatan mengalami kesesakan di kedua-dua arah.

Pian Hon berkata, aliran air tidak

akan melimpah sekiranya longkang disenggara dengan sempurna, manakala sampah dikutip mengikut jadual.

"Sekarang terpulang kepada rakyat menentukan siapa yang layak memerintah Selangor.

"Jika benar kerajaan PKR Selangor mahu membantu sudah lama mereka memikirkan jalan membaiki sistem saliran terlebih dahulu daripada mencari kesalahan pihak lain," ujarinya.